

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.5()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 10 TAHUN 2025**

Tarikh : 22 Oktober 2025 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi - 11.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2
Bangunan MBSJ
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN OKTOBER 2025

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Oktober 2025 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang kesepuluh bagi tahun 2025. Seterusnya pemakluman mengenai perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi amanat daripada sesi perjumpaan YAB Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya pada 13 Oktober 2025. YAB Perdana Menteri dalam ucap tama telah menyatakan:
 - a) Kerangka Belanjawan 2026 yang telah dibentangkan pada 10 Oktober 2025, dirumuskan dengan memberi penekanan kepada usaha memacu pembangunan manusia secara menyeluruh, seiring dengan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang inklusif dan mampan.
 - b) Isu tatakelola dan integriti dalam perkhidmatan awam akan terus menjadi fokus utama di bawah kepimpinan Kerajaan MADANI. YAB Perdana Menteri menekankan bahawa setiap pegawai awam perlu menghayati nilai-nilai integriti dan akauntabiliti bagi membanteras sebarang bentuk rasuah dan ketirisan dalam sistem penyampaian perkhidmatan.
 - c) Penjawat awam perlu bekerja bersungguh-sungguh, mengutamakan amanah kepada rakyat dan memastikan hasil pendapatan diperolehi dengan cara yang halal serta tidak melanggar etika perkhidmatan.

- d) Pegawai awam digesa untuk bekerja dengan tekad yang satu, memperkukuh semangat berpasukan dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat demi kejayaan dan kesejahteraan negara secara keseluruhan.
- ii) Seterusnya Datuk Bandar memaklumkan berkaitan Aplikasi Gemilang MBSJ yang baru sahaja dirasmikan. Aplikasi ini dibangunkan sebagai satu inisiatif transformasi digital yang menyokong aspirasi MBSJ sebagai bandar raya pintar dan mampan selaras dengan kempen Tahun Melawat Selangor 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026. Aplikasi ini mempunyai 18 modul dan perkhidmatan untuk warga Subang Jaya dan pengguna umum meliputi perkara berikut :
- a) Permohonan, semakan dan bayaran perkhidmatan MBSJ secara dalam talian seperti cukai taksiran, kompaun (trafik, pelbagai, tunda), permit bangunan, lesen perniagaan, lesen anjing, sewaan, pengurusan air, bil-bil pelbagai, bazar Ramadan, kolam renang, dan bayaran kontraktor;
- b) Modul Pelancongan yang dikenali sebagai HELO Subang Jaya meliputi informasi destinasi pelancongan, tempat penginapan, pengangkutan, promosi dan acara terkini di kawasan pentadbiran MBSJ;
- c) Fungsi "PERJALANAN", itinerari dan integrasi dengan peta, *Waze* dan *Google Maps* bagi memudahkan pengguna merancang jadual perjalanan secara efisien termasuk tempahan penginapan, makanan dan pengangkutan. Aplikasi ini turut

menyediakan direktori lebih 900 destinasi pelancongan serta kemudahan membeli-belah dalam talian;

- d) Kaedah pembayaran dalam talian menggunakan kad kredit, FPX, e-wallet; dan
- e) Pengguna boleh menebus ganjaran daripada hasil transaksi dengan aplikasi gemilang

MBSJ berharap aplikasi ini akan menjadi pemangkin kepada penglibatan komuniti dalam mempromosikan Subang Jaya sebagai destinasi pelancongan pintar sekaligus memperkukuh elemen komuniti digital dan memudahkan akses kepada maklumat bandar raya secara menyeluruh. Datuk Bandar menyeru semua komuniti untuk memuat turun dan menggunakan aplikasi ini sebagai platform utama pelancongan dan informasi bandar MBSJ. Dengan sokongan komuniti, MBSJ mampu menjadi model bandar pintar yang mendukung inovasi dan kelestarian.

- iii) Datuk Bandar turut memaklumkan berkenaan Kerajaan Negeri Selangor menerusi Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam memperkasakan, memelihara dan mempromosikan makanan warisan serta kuih tradisional agar terus relevan dan tidak pupus ditelan zaman.

Penganjuran Festival Makanan Warisan Selangor 2025 akan diadakan pada 1 November 2025, hari Sabtu bermula jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang bertempat di Kompleks Sukan Kuala Selangor

dengan mengetengahkan makanan tradisi lempeng. Festival ini menampilkan kelainan dengan mempersembahkan kepelbagaian makanan warisan dari kesemua daerah di Selangor melalui 12 pavilion Pihak Berkuasa Tempatan.

Sebagai simbolik, edaran lempeng sagu biji mata ikan terbanyak secara percuma bakal mencipta rekod dalam Malaysia Book of Records, menjadikan festival ini mencatat rekod hidangan lempeng terbesar di Malaysia.

MBSJ turut mengambil penyertaan dengan mengetengahkan makanan tradisi lempeng nasi yang dimakan bersama serawa durian dan kari ayam. Selain itu, kuih seri muka dan teh o ais cincau juga turut dihidangkan di pavilion milik MBSJ.

iv) Seterusnya, Datuk Bandar memaklumkan berkenaan program-program Majlis yang akan berlangsung seperti yang berikut :

a) Program Ramah Mesra Pickleball MBSJ Bersama Rakan Media 2025

Program ini akan diadakan pada 8 November 2025, hari Sabtu bertempat di Tomaz Pickleball Club, USJ 1, Subang Jaya bermula jam 8.00 pagi sehingga 2.00 petang. Program berbentuk aktiviti santai ini diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan baik sekaligus berkesempatan beramah mesra bersama rakan media. Program ini juga adalah bagi

menghargai rakan media yang telah banyak memberikan kerjasama serta memberikan liputan dalam membantu menyampaikan informasi serta maklumat kepada komuniti di samping menaikkan imej MBSJ selaku Pihak Berkuasa Tempatan.

b) Program Sambutan Deepavali Peringkat MBSJ 2025

Sambutan Deepavali Peringkat MBSJ 2025 akan diadakan pada 15 November 2025, hari Sabtu di Dewan Puchong Indah bermula jam 8.00 malam sehingga 11.00 malam. Pelbagai aktiviti menarik akan diadakan seperti penyerahan sumbangan kepada golongan kurang berkemampuan, persembahan kebudayaan serta jamuan makan. Semua komuniti dijemput hadir bagi memeriahkan sambutan ini.

c) Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Negeri Selangor 2025

Majlis Bandaraya Subang Jaya telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Negeri Selangor 2025 anjuran bersama Kerajaan Negeri dan Menteri Besar Incorporated.

Majlis Perasmian akan disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor pada 21 November 2025, hari Jumaat bermula jam

8.00 malam bertempat di Tasik Seri Serdang. Program akan diadakan selama dua hari iaitu 21 hingga 22 November 2025. Semua komuniti dijemput hadir bagi memeriahkan sambutan.

d) Fiesta Kebudayaan Dan Makanan Warisan MBSJ 2025

Program ini diadakan bagi mempromosikan keunikan dan kepelbagaian makanan tradisional pelbagai kaum di Malaysia sebagai manifestasi identiti nasional dan simbol perpaduan masyarakat berbilang budaya. Program ini akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 22 dan 23 November 2025 (Sabtu & Ahad)

Masa : 9.00 pagi – 9.00 malam (Sabtu)

: 9.00 pagi – 6.00 petang (Ahad)

Tempat : Subang Parade, Subang Jaya

Pelbagai aktiviti akan dilaksanakan seperti Pertandingan Tarian Nasi Ambeng, Koir Sekolah Rendah dan Menengah, Pertandingan Nyanyian Lagu Irama Malaysia, Pertandingan Kompang Berirama Terbuka, Pertandingan Bercerita Peringkat Sekolah Rendah, Persembahan Tarian Klasik India, Persembahan Tarian Tradisional JKKN dan PADAT, Persembahan Muzik Cempuling PADAT, Persembahan Artis Jemputan, Persembahan Tarian Sewang dan Demo Menyempit, Demo Pemakaian Busana Tradisional Malaysia,

Jualan aneka makanan warisan serta edaran makanan-makanan warisan percuma, Pameran dan aktiviti pelancongan Helo Subang Jaya, Pameran PADAT, JKKN, ARAS, Tourism Selangor dan Malaysia serta Pameran dan Jualan Busana Tradisional Kreatif. Semua komuniti dijemput hadir bagi memeriahkan sambutan ini.

- v) Datuk Bandar turut memaklumkan berkaitan demam denggi di MBSJ. Sehingga minggu epid ke-41 tahun 2025, MBSJ telah mencatatkan sebanyak 2844 kes positif demam denggi. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 58.94% jika dibandingkan dengan kumulatif kes pada minggu epid yang sama di tahun 2024 iaitu sebanyak 6927 kes.

Terdapat tiga Lokaliti Hotspot iaitu di Taman Sri Serdang 2 (Flat Ikan), Taman Kinrara Jalan TK 5 (Koi Legian Kondo) dan Taman Serdang Perdana (Perdana Selatan – South City Plaza). Kawalan dan pencegahan demam denggi terus dijalankan di kawasan yang dilaporkan kes demam denggi bagi membendung penularan kes demam denggi seperti Pemeriksaan Tempat Pembiakan (PTP), semburan larvaciding dan pengwasapan (*fogging*).

Pendidikan kesedaran tentang demam denggi turut dijalankan di lokaliti berpotensi. Penduduk disarankan untuk membuat langkah-langkah pencegahan seperti kempen 10 minit, gotong-royong memusnahkan lokasi potensi tempat pembiakan Aedes. Seterusnya,

sekiranya terdapat simptom demam denggi, penduduk dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan dengan segera.

- vi) Datuk Bandar turut mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali yang telah di sambut pada 20 Oktober lepas kepada semua penganut agama Hindu dan penduduk di kawasan pentadbiran MBSJ yang merayakannya.

Kepada Ahli-ahli Majlis yang mengikuti mesyuarat secara dalam talian, terima kasih diucapkan kerana dalam kegembiraan menyambut perayaan namun masih bersemangat melaksanakan tugas. Semoga perayaan ini membawa sinar cahaya kegembiraan, kebahagiaan, kesejahteraan, kedamaian dan keharmonian kepada semua kaum terutamanya penganut agama Hindu.

4.0 IKRAR PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

Setiausaha Mesyuarat membacakan Ikrar Pengisytiharan Kepentingan bagi pihak semua ahli mesyuarat, dan semua ahli mesyuarat bersetuju serta mengambil maklum.

5.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 9/2025

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 9/2025 bertarikh 29 September 2025 (Isnin) disahkan tanpa pindaan.

6.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 9/2025

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.9/2025 bertarikh 29 September 2025 (Isnin) disahkan tanpa pindaan.

7.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

7.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 18/2025 bertarikh 23 September 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 19/2025 bertarikh 7 Oktober 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2025 bertarikh 6 Oktober 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2025 bertarikh 6 Oktober 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2025 bertarikh 7 Oktober 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 8.1 & m/s 11	Puan Lee Jen Uyin	Program Bulan Membaca dan Program Hari Kanak-Kanak	Beliau mencadangkan supaya Perpustakaan melaksanakan program di luar secara konsisten seperti di

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Pangsapuri Angkat, taman Majlis serta lokasi tumpuan bagi memberi lebih banyak manfaat kepada komuniti. Program ini boleh dilaksanakan secara kolaboratif bersama-sama Perpustakaan Negeri dan Perpustakaan Negara.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan ini dan program Perpustakaan akan diperluaskan ke seluruh kawasan pentadbiran MBSJ. Pemberian token juga boleh dilaksanakan kepada individu yang dijemput untuk melaksanakan program di lokasi.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan: Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>

7.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2025 bertarikh 8 Oktober 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2025 bertarikh 9 Oktober 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	-	Puan Lee Jen Uyin	Perayaan Deepavali	Beliau mencadangkan supaya MBSJ membuat video ucapan Perayaan Deepavali. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat bersetuju dengan cadangan ini dan perkara berikut perlu dilaksanakan bagi

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>tahun 2026 :</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Merakam video ucapan perayaan bagi 3 perayaan utama seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan Hari Perayaan Deepavali; ii) Pemasangan lampu perayaan bagi 3 perayaan utama di 7 blok perancangan Majlis. iii) Program Sambutan Deepavali Peringkat MBSJ diubah tarikh ke 14 November 2025. <p style="text-align: right;">Tindakan: Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik / Jabatan Kejuruteraan</p>
2.	Para 6.2 & m/s 28	Puan Lee Jen Uyin	Penjagaan Kesihatan	Beliau mencadangkan supaya MBSJ melaksanakan ujian kesihatan menyeluruh kepada kakitangan bagi melihat tahap

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>kesihatan.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Khidmat Pengurusan mengkaji kesesuaian cadangan pelaksanaan ujian pemeriksaan kesihatan menyeluruh kepada kakitangan. MBSJ perlu menyimpan rekod keputusan kesihatan bagi tujuan pemantauan.</p> <p>Tindakan: Jabatan Khidmat Pengurusan</p>

7.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2025 bertarikh 14 Oktober 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.2 & m/s 7	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Makluman Dasar Kementerian Kesihatan Malaysia Berkenaan Premis Makanan yang Berkonsepkan 'Pet-Friendly Cafe'	Beliau memohon penjelasan berkenaan dasar premis makanan yang berkonsepkan Pet-Friendly Cafe di kawasan pentadbiran MBSJ. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat memaklumkan bahawa MBSJ hanya mengeluarkan lesen berkaitan aktiviti restoran sahaja. Makluman
2.	Para 7.2 & m/s 11	Puan Lee Jen Uyin	Cantasan Pokok	Beliau memaklumkan bahawa, terdapat banyak pokok yang berusia di dalam kawasan MBSJ. Oleh itu, mohon MBSJ

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>memperuntukkan bajet khas untuk kerja-kerja cantasan pokok.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat memaklumkan MBSJ telah memperuntukkan bajet untuk kerja-kerja cantasan pokok dalam bajet 2026.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

**7.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2025 bertarikh 16
Oktober 2025**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2.1 & m/s 3	Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin	Taklimat Untuk Menggunakan Garis Panduan Reka Bentuk Bandar Terperinci bagi Pembangunan Transit Oriental Development (TOD) di Kawasan Bandar Puchong Prima	<p>Beliau memohon supaya disemak semula perkara f, cadangan pembangunan kerana terdapat cadangan yang tidak diminitkan iaitu cadangan menaik taraf padang Puchong Prima.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Perancangan Bandar menyemak semula dan membuat pindaan minit mesyuarat.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan: Jabatan Perancangan Bandar</p>

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim, Whip daripada Parti Amanah.

9.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Tarikh Disediakan : 24 Oktober 2025

“KITASELANGOR MAJU BERSAMA”

“MALAYSIA MADANI”

“MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI”

Disediakan oleh;


(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;


(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM), D.I.M.P

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P. - Pengerusi
Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N. - Setiausaha
Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat

HADIR (AHLI MAJLIS)

3. Puan Lee Jen Uyin - Ahli
Mesyuarat
4. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
5. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim - "
6. Encik Thomas Low Yew Sin - "
7. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
8. Encik Chia Yew Ken - "
9. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
10. Puan Ng Seow Chen - "
11. Encik Thong Kim Fatt - "
12. Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin - "
13. Tuan Ir. Balachandran Naicker - "

14.	Encik Tey Han Cherk	-	"
15.	Puan Suzanah Hanim Wong	-	"
16.	Encik Tey Boon Kiat	-	"
17.	Puan Sarawati binti Mukhtar	-	"
18.	Encik Pravin a/l Murali	-	"
19.	Encik Tah Yap Keong	-	"
20.	Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy	-	"
21.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"
22.	Encik Khairol Basri bin M. Arif	-	"
23.	Encik Saidin bin Awang	-	"
24.	Puan Sri Devi a/p Chenchiah	-	"

(PEGAWAI MBSJ)

25. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
26. Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
27. Puan Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
28. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

29. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, CEO
Pengarah, Jabatan Pelesenan
30. Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
31. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
32. Tuan Hj. Affandi bin Hj. Jaafar
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
33. Puan Ts. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
34. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
35. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
36. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC
37. Puan Sr. Nornizam binti Mohd Jusoh
Pengarah, Jabatan COB
38. Cik Haslinda binti Mohd Rantam, A.I.S
Pengarah, Jabatan Bangunan
39. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
40. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaaii
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
41. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah Kanan, Unit Audit Dalam

42. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
43. Puan Nadia binti Muhamad Amin
Penolong Pengarah, Jabatan Landskap
44. Puan Noor Aini binti Saad
Penolong Pegawai Tadbir, Unit Integriti

URUS SETIA

45. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
46. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
47. Encik Muhammad Zulfikar bin Jalaltheen
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - Ahli Majlis
2. Encik Nanthakumar a/l Poapalan - Ahli Majlis
3. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Timbalan Setiausaha
4. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.P.C., P.J.K
Pengarah, Jabatan Hasil
5. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap

6. Encik Mohd Herman bin Musanip
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti